



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# KECENDERUNGAN PEMILIHAN PARTI POLITIK DALAM KALANGAN BELIA PADA PILIHAN RAYA UMUM KE-15: KAJIAN TINJAUAN DI PUTRAJAYA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



Bainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KECENDERUNGAN PEMILIHAN PARTI POLITIK DALAM KALANGAN BELIA PADA PILIHAN RAYA UMUM KE-15: KAJIAN TINJAUAN DI PUTRAJAYA

NUR AFRINA BINTI MOHD ZIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN MALAYSIA DENGAN PENDIDIKAN

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, NUR AFRINA BINTI MOHD ZIN, D20191089799, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawadisertasi/tesis yang bertajuk KECENDERUNGAN PEMILIHAN PARTI POLITIK DALAM KALANGAN BELIA PADA PILIHAN RAYA UMUM KE-15: KAJIAN TINJAUAN DI PUTRAJAYA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

---

Tandatangan pelajar**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, NORHAFIZA BINTI MOHD HED dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KECENDERUNGAN PEMILIHAN PARTI POLITIK DALAM KALANGAN BELIA PADA PILIHAN RAYA UMUM KE-15: KAJIAN TINJAUAN DI PUTRAJAYA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan.

---

Tarikh

---

Tandatangan Penyelia



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan izin-Nya, tesis ini berjaya disiapkan sepenuhnya. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada kesemua individu yang hadir dan memberi bantuan secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha diri ini menyiapkan tesis ini. Bantuan daripada anda semua amat dihargai.

Pertama sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya, Mohd Zin bin Mohd Kasim dan Kamariah binti Sulaiman atas bantuan dan sokongan yang diberikan sepanjang menyiapkan tesis ini. Buat ahli keluarga yang lain, terima kasih juga diucapkan atas bantuan sepanjang menyiapkan tesis ini. Sokongan yang diberikan ini terlalu besar tidak kiralah sama ada bantuan fizikal, wang ringgit mahupun sokongan moral bagi menyempurnakan tesis ini.



Seterusnya, sekalung penghargaan saya ucapkan kepada pensyarah penyelia tesis saya, Dr. Norhafiza binti Mohd Hed atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang melaksanakan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga dirakamkan buat semua pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang proses penyelidikan dan kajian ini.

Tidak lupa juga, terima kasih sahabat-sahabat yang sentiasa hadir dan sudi membantu diri ini tidak kiralah dengan memberi sokongan moral serta dalam pelbagai aspek dalam usaha saya menghasilkan penyelidikan ini. Sekali lagi, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha menyempurnakan tesis ini.





## ABSTRAK

Sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15, kerajaan telah membuat beberapa pindaan iaitu dengan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Kerajaan juga telah melaksanakan langkah drastik dengan meluluskan pindaan Perlembagaan berhubung perkara Undi 18. Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-15, bangkit isu-isu berkaitan parti politik di Malaysia yang dikaitkan dengan belia sama ada di peringkat nasional ataupun di peringkat negeri. Antara isu-isunya adalah isu rasuah, pengangguran, kenaikan harga barang yang mendadak dan beberapa isu yang mempengaruhi persepsi belia di negara ini. Oleh itu, tesis ini dilaksanakan bagi mengkaji kecenderungan belia memilih parti politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15. Kaedah kuantitatif melalui pengedaran soal selidik kepada 377 orang belia di Putrajaya digunakan bagi mengumpulkan data. Dapatan kajian ini menemukan empat perkara utama. Pertama, hasil analisis menunjukkan belia cenderung memilih parti politik yang dipercayai dapat membentuk kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15. Kedua, dapatan kajian menunjukkan ketokohan pemimpin politik merupakan faktor yang paling mempengaruhi belia memilih parti politik. Ketiga, mekanisme penambahbaikan yang dilaksanakan amat mempengaruhi belia dalam memilih parti politik. Hal ini adalah dengan adanya ganjaran seperti bantuan kewangan dan menyediakan keperluan kepada golongan belia. Akhir sekali, demografi responden juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi belia memilih parti politik. Jelas melalui penemuan kajian ini, tesis ini memberi implikasi besar kepada ilmu politik, iaitu menjelaskan bagaimana dan mengapa belia cenderung untuk memilih sesebuah parti politik di Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15.





## POLITICAL PARTY VOTING TENDENCIES AMONG YOUTH IN 15<sup>TH</sup> GENERAL ELECTION: A SURVEY STUDY IN PUTRAJAYA

### ABSTRACT

Before the 15th General Election, the government has made several amendments by amending the Universities and University Colleges Act (AUKU). The government has also implemented drastic measures by approving constitutional amendments regarding the matter of Undi 18. In the run-up to the 15th General Election, issues related to political parties in Malaysia that are linked to the youth have arisen either at the national level or at the state level. Among the issues are related to corruption, unemployment, the sudden increase in the price of goods and some issues that affect the perception of youth in this country. Therefore, this thesis is carried out to study the tendency of youth to choose political parties in the 15th General Election. Quantitative methods through the distribution of questionnaires to 377 youth in Putrajaya were used to collect data. The findings of this study found four main points. First, the results of the analysis show that youth tend to choose political parties that are believed to be able to form a government after the 15th General Election. Second, the findings of the study show that the political leader's stature is the factor that most influences youth choosing a political party. Third, the improvement mechanism that is implemented greatly influences the youth in choosing a political party. This is with rewards such as financial assistance and providing the needs of the youth. Finally, the demographics of the respondents also play an important role in influencing the youth to choose a political party. Clearly through the findings of this study, this thesis has great implications for political science, which is to explain how and why youth tend to choose a political party in Putrajaya in the 15th General Election.





## SENARAI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv



## BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Permasalahan Kajian	12
1.2	Persoalan Kajian	19
1.3	Objektif Kajian	20
1.4	Batasan Kajian	20
1.5	Kepentingan Kajian	22
1.6	Definisi Operasional	24
1.6.1	Belia	24
1.6.2	Demografi	25





1.6.3	Politik	25
1.6.4	Parti Politik	26
1.7	Organisasi Bab	27

## BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	30
2.1	Kajian Politik Belia	32
2.1.1	Penglibatan Belia dalam Politik di Malaysia	32
2.1.2	Penglibatan Belia dalam Pilihan Raya	38
2.2	Konsep dan Teori	44
2.2.1	Teori Pilihan Rasional	45
2.2.2	Teori Identifikasi Parti	48
2.2.3	Teori Sosialisasi Politik	51
2.3	Kerangka Kajian	53
2.4	Rumusan	55



## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	57
3.1	Reka Bentuk Kajian	58
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	60
3.2.1	Populasi	60
3.2.2	Penentuan Saiz Sampel	62
3.2.3	Kaedah Persampelan dan Responden Kajian	64
3.2.4	Rasional Pemilihan Populasi dan Sampel Kajian	65
3.3	Instrumen Kajian	65





3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan	67
3.4.1	Kajian Rintis	68
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	70
3.6	Kaedah Menganalisis Data	72
3.6.1	Analisis Statistik Deskriptif	73
3.7	Rumusan	74

## BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.0	Pengenalan	75
4.1	Demografi Responden	76
4.1.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	76
4.1.2	Taburan Responden Mengikut Umur	77
4.1.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	79
4.1.4	Taburan Responden Mengikut Kawasan Tempat Tinggal	80
4.1.5	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	81
4.1.6	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	83
4.1.7	Taburan Responden Mengikut Pendapatan	84
4.1.8	Taburan Responden Mengikut Status Mengundi	85
4.1.9	Taburan Responden Mengikut Tempat Mengundi	86
4.1.10	Taburan Responden Mengikut Penyertaan dalam Parti Politik	87
4.1.11	Taburan Responden Mengikut Gabungan Parti Politik yang Dipilih	88





4.2	Kecenderungan Belia dalam Memilih Parti Politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15	90
4.2.1	Perbandingan antara Kecenderungan Belia Memilih Parti Politik dengan Faktor Jantina	97
4.2.2	Perbandingan antara Kecenderungan Belia Memilih Parti Politik dengan Faktor Umur	106
4.2.3	Perbandingan antara Kecenderungan Belia Memilih Parti Politik dengan Tahap Pendidikan	117
4.3	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Belia dalam Memilih Parti Politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15	130
4.3.1	Perbandingan antara Faktor yang Mempengaruhi Belia Memilih Parti Politik dengan Faktor Jantina	138
4.3.2	Perbandingan antara Faktor yang Mempengaruhi Belia Memilih Parti Politik dengan Faktor Umur	146
4.3.3	Perbandingan antara Faktor yang Mempengaruhi Belia Memilih Parti Politik dengan Tahap Pendapatan	158
4.4	Mekanisme Penambahbaikan yang Boleh Dilaksanakan oleh Parti Politik bagi Menarik Minat Golongan Belia	168
4.5	Rumusan	174

**BAB 5****KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	176
5.1	Ringkasan Kajian	177
5.2	Dapatan Utama Kajian	179





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ix

5.3	Cadangan Kajian Akan Datang	182
-----	-----------------------------	-----

RUJUKAN	185
---------	-----

LAMPIRAN A	192
------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
3.1	Populasi Penduduk Belia Putrajaya	61
3.2	Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan	63
3.3	Jenis Instrumen Soal Selidik	66
3.4	Skala Likert Mewakili Skor Setiap Item	67
3.5	Penambahbaikan Soalan	70
3.6	Interpretasi Skor Min	73
4.1	Jantina	76
4.2	Umur	77
4.3	Bangsa	79
4.4	Kawasan Tempat tinggal	80
4.5	Tahap Pendidikan	81
4.6	Pekerjaan	83
4.7	Pendapatan	84
4.8	Status Mengundi	85
4.9	Tempat Mengundi	86
4.10	Penyertaan dalam Parti Politik	87
4.11	Gabungan Parti Politik yang dipilih	88
4.12	Kecenderungan Belia dalam Memilih Parti Politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15 di Putrajaya	90
4.13	Perbandingan antara Kecenderungan Belia Memilih Parti Politik dengan Faktor Jantina	97





4.14	Perbandingan antara Kecenderungan Belia Memilih Parti Politik dengan Faktor Umur	106
4.15	Perbandingan antara Kecenderungan Belia Memilih Parti Politik dengan Tahap Pendidikan	117
4.16	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Belia dalam Memilih Parti Politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15 di Putrajaya	130
4.17	Perbandingan antara Faktor yang Mempengaruhi Belia dalam Memilih Parti Politik dengan Faktor Jantina	138
4.18	Perbandingan antara Faktor yang Mempengaruhi Belia dalam Memilih Parti Politik dengan Faktor Umur	146
4.19	Perbandingan antara Faktor yang Mempengaruhi Belia dalam Memilih Parti Politik dengan Faktor Pendapatan	158
4.20	Mekanisme Penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh Parti Politik untuk Menarik Minat Golongan Belia Memilih Parti Politik	168





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Kajian Kecenderungan Memilih Parti	54
3.1 Metodologi Kajian	58





## SENARAI SINGKATAN

RCD	Rassemblement Constitutionnel Democratique
HW	Hizbul Wathan
ROS	Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
KMM	Kesatuan Melayu Muda
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
UMNO	United Malays National Organization
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
MCA	Malayan Chinese Association
DAP	Democratic Action Party
MIC	Malayan Indian Congress
PKR	Parti Keadilan Rakyat
NGO	Non-Governmental Organization
GERAK	Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PR	Pakatan Rakyat
AKTA 668	Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia
MBM	Majlis Belia Malaysia
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
DBM	Dasar Belia Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
IYRES	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
BERSATU	The Malaysian United Indigenous Party
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti
RUU	Rang Undang-Undang





UITM	Universiti Teknologi MARA
MARA	Majlis Amanah Rakyat
PRU	Pilihan Raya Umum
DUN	Dewan Undangan Negeri
IM4U	1 Malaysia For Youth
IBM	Indeks Belia Malaysia
BN	Barisan Nasional
PN	Perikatan Nasional
PH	Pakatan Harapan
IPT	Institut Pengajian Tinggi
PWS	Parti Warisan Sabah
PRU-15	Pilihan Raya Umum Ke-15
PRU-14	Pilihan Raya Umum Ke-14
PRU-13	Pilihan Raya Umum Ke-13
AMANAH	National Trust Party
SMS	Sistem Pesanan Ringkas
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
NGT	Nominal Group Technique
FGD	Focus Group Discussion
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
N	Kekerapan
SS	Sangat Setuju
S	Setuju
TP	Tidak Pasti
TS	Tidak Setuju
STS	Sangat Tidak Setuju
SP	Sisihan Piawai





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xv

## SENARAI LAMPIRAN

No. Lampiran	Muka Surat
--------------	------------

A	Borang soal selidik	192
---	---------------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

## PENDAHULUAN



### 1.0 PENGENALAN

Menurut Ramlan (1999), penyertaan dalam politik ialah sebarang bentuk penyertaan atau penglibatan rakyat biasa dalam membuat keputusan yang boleh mengubah kehidupan mereka. Rahmawati dan Muhlin (2016) pula menyatakan penyertaan politik boleh dilakukan secara individu atau kolektif. Penyertaan politik lebih menumpukan kepada aktiviti yang dijalankan dan bukannya kepada sikap politik. Penyertaan politik mempunyai dua pendekatan iaitu pendekatan politik kelompok dan hak politik (Tia Subekti, 2014).





Oleh itu, dapat ditafsirkan bahawa partisipasi politik atau penyertaan politik adalah peranan rakyat dalam proses untuk membentuk sesebuah kerajaan. Bentuk penyertaan oleh rakyat ini boleh membawa perubahan kepada kerajaan secara langsung atau tidak langsung khususnya daripada golongan muda. Hal ini demikian kerana, partisipasi politik oleh golongan muda boleh mempengaruhi perubahan dalam politik di sesebuah negara.

“*The Arab Spring*” merupakan tragedi politik yang popular dalam arena politik antarabangsa terutamanya di negara-negara Arab. Sebelum *The Arab Spring* meletus, tiga negara Arab iaitu Tunisia, Mesir dan Syria mempunyai beberapa persamaan dalam keadaan sosioekonomi dan politik mereka yang menyebabkan tercetusnya *Arab Spring*. Ketiga-tiga negara arab ini masing-masing dipimpin oleh pemimpin autoritarian yang telah lama berkuasa dan pemimpin yang memenangi kuasa tanpa melalui proses pilihan raya yang demokratik. Di Tunisia, Ben Ali telah lama berkuasa sejak 1987 dalam rampasan kuasa tanpa pertumpahan darah. Ben Ali telah menggulingkan Habib Bourguiba selepas beliau dilantik sebagai perdana menteri sebulan sebelumnya. Di Mesir pula, Hosni Mubarak menjadi Presiden Mesir pada 1981 selepas pembunuhan Anwar Sadat yang sebelum itu berkhidmat sebagai naib presiden. Akhir sekali, di Syria, sebelum Hafez al-Assad meninggal dunia iaitu bapa kepada Bashar al-Assad, Bashar al-Assad sebenarnya telah lama bersedia untuk menggantikannya (Ahmad Sahide et al., 2015).



Selain itu, ketiga-tiga negara arab ini telah membina rejim politik dengan sistem satu parti yang mana di Tunisia, Ben Ali menguasai pentas politik dengan *Rassemblement Constitutionnel Democratique* (RCD). Di Mesir pula, Hosni Mubarak memerintah bersama-sama parti Hizbul Wathan (HW) manakala di Syria, al-Assad menguasai pentas politiknya dengan penguasaan parti Ba'ath. Negara-negara ini juga mempunyai banyak rekod pencabulan hak asasi manusia dan negara-negara ini mengehadkan ruang untuk bersuara kepada rakyat mereka, termasuklah dengan tidak mempunyai kebebasan akhbar. Ketiga-tiga negara ini juga mengalami krisis ekonomi dan peningkatan kadar pengangguran (Ottaway, 2010). Oleh yang demikian, dapat dilihat gerakan massa yang berlaku di negara Arab mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu protes terhadap keadaan sosial dan ekonomi, menolak pemerintahan diktator, dan juga usaha dalam memerangi rasuah (Ramadan, 2012). Hal ini menunjukkan juga bahawa pemerintahan yang terlalu lama dan tanpa perubahan menyebabkan mereka bertindak melawan untuk melepaskan diri daripada cengkaman luar dan dalam.

Berikut daripada situasi sosial, politik dan ekonomi yang berlaku di ketiga-tiga negara tersebut, kemelut *The Arab Spring* yang masih berterusan hingga ke hari ini merupakan titik di mana wujudnya harapan rakyat untuk memperolehi sebuah negara yang bebas dan demokratik. Hal ini kerana, mereka hidup di bawah tekanan dan penderitaan oleh rejim seperti yang berlaku sewenang-wenangnya ke atas Mohammed Bouazizi yang sebenarnya dirasai secara langsung oleh rakyat Tunisia amnya dan rakyat negara Arab keseluruhannya. Oleh itu, pergolakan *The Arab Spring* yang menjadi permulaan penamatkan rejim authoritarian dan kebangkitan jangkaan masyarakat terhadap kehidupan demokrasi di

negara Arab tidak dapat dipisahkan daripada keadaan sosial, ekonomi dan politik yang dihadapi oleh ketiga-tiga negara ini (Ahmad Sahide et al., 2015). Maka dapat dilihat bahawa, golongan muda atau belia yang merasakan dirinya ditindas dan hidup dalam penyiksaan menyebabkan mereka bangkit dan seterusnya membangkitkan semangat masyarakat arab secara besar-besaran keseluruhannya yang telah memberi impak sehingga ke hari ini.

Menurut Malike (2012), Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan raja berpelembagaan. Melalui sistem ini, rakyat akan memilih perwakilan melalui pilihan raya dan perwakilan ini akan berada di Parlimen.

Menurutnya lagi, perwakilan ini merupakan agen penting bagi menyalurkan tuntutan dan permintaan rakyat kepada kerajaan. Mereka ini dipilih semasa pilihan raya. Oleh yang demikian, parti politik merupakan antara elemen yang paling penting di dalam sistem demokrasi di Malaysia ini. Robert Huckshorn di dalam Adam et al., (2010) pula mendefinisikan parti politik ialah sebagai,

*“As an autonomous group of citizens having the purpose of making nominations and contesting elections in the hope of gaining control over governmental power through the capture of public offices and the organization of the government.” (m.s 74).*

Melalui pandangan yang dikemukakan ini, jelas menunjukkan bahawa sesebuah parti politik itu dibentuk adalah untuk tujuan tertentu. Parti politik merupakan kumpulan yang dibentuk untuk berkuasa di dalam sesebuah negara melalui penawanan pejabat dan menduduki organisasi kerajaan. Di Malaysia, parti politik merupakan organisasi yang



berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). ROS berperanan untuk mengendalikan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik. Oleh yang demikian, parti-parti politik di Malaysia haruslah berdaftar dengan ROS dan tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966. Sekiranya sesebuah parti politik itu tidak berdaftar, ia dianggap tidak sah dan salah di sisi undang-undang (Marshelayanti & Wan Asna, 2020).

Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1938 pada era penjajahan British di Tanah Melayu. Idea penubuhan parti politik ini adalah hasil daripada cetusan idea Sultan Jenain, iaitu tokoh politik dari Sumatera, Indonesia (Mohamed Salleh, 2006). Penubuhan KMM adalah hasil daripada satu himpunan pelajar-pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) bersama-sama dengan segelintir para elit cendekiawan Melayu dari beberapa institusi pengajian tinggi di Kuala Lumpur, dan golongan muda Melayu yang bersikap radikal, serta wartawan akhbar Majlis (Mat Amin, 2010). KMM telah ditubuhkan di rumah Cikgu Hassan Haji Manan yang terletak di Jalan Pasar, Kuala Lumpur. Ibrahim Haji Yaacob telah dipilih sebagai Presiden manakala Mustapha Hussain sebagai Naib Presiden KMM. Matlamat penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) ini adalah untuk menjatuhkan kerajaan British di Tanah Melayu dan membentuk Indonesia Raya atau Melayu Raya melalui gabungan bersama Republik Indonesia yang diketuai oleh Sukarno (Mohamed Salleh, 2006). Hal ini menunjukkan bahawa golongan muda yang menyedari kepentingan kemerdekaan dan berusaha keluar dari kepompong penjajahan menerusi penubuhan KMM ini.





Terdapat pelbagai parti yang wujud di Malaysia. Parti-parti politik di Malaysia ini lebih cenderung mengikut etnik masing-masing. Contohnya, parti politik seperti *United Malays National Organisation* (UMNO), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), *Malayan Chinese Association* (MCA), *Democratic Action Party* (DAP), dan *Malayan Indian Congress* (MIC). Tetapi, wujud juga parti-parti politik yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR). Parti politik ini bukanlah parti yang berdasarkan perkauman, namun sokongan utamanya adalah dalam kalangan pengundi Melayu. Sokongan kepada parti politik dapat dilihat datangnya daripada kumpulan etnik yang sama sejak parti-parti politik ini ditubuhkan. Hal ini kerana, pada peringkat awal parti-parti ini dibentuk adalah untuk memperjuangkan kepentingan etnik masing-masing. Oleh yang demikian, parti-parti politik ini dapat dikategorikan sebagai parti yang berdasarkan perkauman (Marshelayanti & Wan Asna, 2020).



Sejarah bagaimana *United Malays National Organisation* (UMNO) ditubuhkan oleh orang Melayu adalah kesan daripada bantahan terhadap rancangan *Malayan Union*. Hal ini adalah melalui *Pan-Malayan Malay Congress* yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946 yang melibatkan 41 buah persatuan Melayu. Matlamat utama kongres ini adalah untuk membentuk organisasi pusat bagi semua kesatuan Melayu dan menghapuskan sentimen perkauman. Dato' Onn Jaafar telah mencadangkan agar kesatuan pusat tersebut dinamakan sebagai *United Malays Organisation* (R.K. Vasil, 1980). Selain itu, dalam satu kongres yang telah diadakan di Johor Bahru pada 11 hingga 13 Mei 1946, Dato' Onn Jaafar telah dilantik sebagai presiden dan seterusnya menjadi wakil bagi menyuarakan bantahan orang Melayu mengenai *Malayan Union* (WO





172/1813). Cadangan pembentukan *Malayan Union* ini adalah melalui Kertas Putih (*White Paper*) yang menjadi salah satu faktor pemungkin kepada kemunculan parti politik orang Melayu (R.K. Vasil, 1980). *Malayan Union* yang ingin ditubuhkan telah menyebabkan lahirnya UMNO yang kemudian menjadi tulang belakang politik orang Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa nasionalisme Melayu telah mengalami perkembangan di mana buat pertama kali orang Melayu bersatu apabila semua pertubuhan Melayu berdasarkan negeri telah bersama-sama di bawah UMNO bagi menentang *Malayan Union*.

Selain itu, kemunculan awal gerakan Persatuan Islam Se-Malaysia (PAS) adalah berdasarkan kesedaran umat Islam yang tercetus melalui gerakan pembaharuan yang dipelopori oleh kumpulan reformis dalam kalangan para ulama pada 1906 (Azahar, 2005). Pada 24 November 1951, satu kongres telah diadakan di Kelab Melayu Bagan. Dalam kongres tersebut telah timbul cadangan untuk mengubah nama Persatuan Ulama Malaya kepada Persatuan Islam Se-Malaysia (PAS). Setelah melalui beberapa perbincangan dan perbahasan, maka semua bersepakat memilih Persatuan Islam Se-Malaysia atau PAS sebagai nama baru bagi menggantikan Persatuan Ulama Malaya (Amir Ramadzan, 1996). Parti PAS ini telah terlibat secara langsung dalam proses demokrasi melalui pilihan raya sejak tahun 1955 hingga kini. Penubuhan PAS pada 24 November 1951 adalah berpaksikan matlamat perjuangan Islam. PAS telah berusaha menjadi parti politik dan gerakan Islam yang mempromosikan Islam sebagai “*the way of life*” yang mampu menjadi penyelesaian kepada semua persoalan kehidupan (Mohamad Shaukhi, Syahruddin & Nordin, 2018).





Pembentukan parti Keadilan pada tahun 1997 pula berlaku ketika tercetusnya kemelut dalam politik pemerintahan di Malaysia selari dengan krisis ekonomi yang melanda negara dan rantau ini. Bekas mantan Perdana Menteri ketika itu, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memecat Anwar Ibrahim dari kerajaan dan UMNO pada 1998. Sebahagian besar rakyat marah kerana merasakan ketidakadilan telah berlaku. Oleh itu, mereka bangkit melalui pilihan raya dan demonstrasi di jalan raya untuk menegakkan keadilan. Sekumpulan *Non-Governmental Organization* (NGO) dan sebuah parti kemudian menujuhkan Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK). Semasa gelombang reformasi inilah timbulnya idea menujuhkan ADIL sebagai sebuah NGO. Oleh sebab wujud tuntutan keadaan dan juga kesedaran rakyat, ADIL kemudian dikembangkan menjadi sebuah parti politik iaitu Parti Keadilan Nasional (Syed Husin, 2019).



Sebelum parti Keadilan ini dapat ditubuhkan, banyak halangan yang ditempuhi di mana Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) enggan meluluskan pendaftaran parti ini. Oleh itu, gerakan Reformasi mengambil keputusan untuk mengambil alih sebuah parti kecil yang sedia ada iaitu Ikatan Masyarakat Islam Malaysia yang ditubuhkan pada 1990. Pada 3 Ogos 2003, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) melancarkan Parti Keadilan Rakyat di Kuala Lumpur. Pada waktu ini, ROS masih enggan meluluskan pendaftaran parti ini. Maka, pada Pilihan Raya Umum 2004, calon-calon PRM bertanding di atas platform Keadilan. Calon tunggal yang menang ialah Presiden Parti iaitu Dr. Wan Azizah di Permatang Pauh, Pulau Pinang. Selepas Pilihan Raya Umum 2004 tersebut, akhirnya Parti Keadilan Rakyat diluluskan penubuhannya (Junaidi, 2022).





Menurut Abdul Hadi, Amaludin dan Ku Hasnita (2022), sokongan belia terhadap parti politik Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat berada pada tahap yang sederhana iaitu dalam lingkungan 62% dan 70.2%. Peratusan ini menunjukkan tahap keyakinan belia terhadap parti-parti politik belum berada pada tahap yang tinggi dan boleh berubah mengikut masa dan keadaan. Penglibatan politik berdasarkan kaum menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara kaum Melayu, Cina dan India. Hal ini menunjukkan bahawa, tahap penglibatan politik belia bagi ketiga-tiga kaum utama ini adalah sama iaitu masih berada pada tahap yang sangat rendah. Walaupun berlaku pertambahan golongan belia yang keluar mengundi pada pilihan raya, tetapi ia sebenarnya tidak menunjukkan peningkatan minat golongan ini untuk melibatkan diri dalam politik secara keseluruhannya. Hal ini demikian kerana, dapat dilihat keterlibatan belia kepada aktiviti-aktiviti berunsurkan politik masih rendah iaitu di bawah 50%.



Seterusnya, Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mendefinisikan had umur belia antara 15 hingga 40 tahun sebelum Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 668) diwujudkan. Sebelum itu, tiada definisi rasmi yang merujuk kepada had usia belia. Dasar Belia Malaysia (DBM) seterusnya diperkenalkan mantan Menteri Belia dan Sukan iaitu Khairy Jamaluddin dengan menurunkan had umur daripada 40 kepada 30 tahun dan dilaksanakan pada 2020. Di Malaysia, had umur belia Malaysia adalah pada tahap paling tinggi berbanding negara lain. Negara Afrika adalah kedua tertinggi selepas Malaysia iaitu 35 tahun. Hal ini berbeza dengan had usia akhir belia yang didefinisikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu sekitar 24 tahun. Bagi konsep pemimpin belia dalam Akta 668, iaitu konsep baharu



merujuk kepada individu yang memegang jawatan dalam pertubuhan belia. Pemimpin belia boleh membawa maksud individu yang berusia 15 hingga 35 tahun, manakala belia biasa pula membawa maksud individu berusia 15 hingga 30 tahun (Berita Harian, 2020).

Kumpulan umur belia boleh dikategorikan kepada dua iaitu kumpulan yang berumur antara 15 hingga 25 tahun dan kumpulan yang berumur 25 ke atas. Bagi kumpulan belia yang berumur 15 hingga 25 tahun, kebanyakannya masih di peringkat pembelajaran pada tahap yang berbeza-beza berbanding dengan kumpulan belia yang berumur 25 tahun ke atas yang kebanyakannya telah memasuki alam pekerjaan (Mohd Mahadee et al., 2020). Menurut Ramli et al., (2017), DBN meletakkan hanya belia yang berumur antara 18 hingga 25 tahun sahaja yang akan terlibat dalam program dan aktiviti berkaitan dengan pembangunan belia. Menerusi Indeks Belia Malaysia (IBM) yang dikeluarkan pada tahun 2015, belia di Malaysia adalah seramai 13.88 juta yang mewakili 45.8 peratus daripada 30.26 juta penduduk Malaysia. (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), (2016).

Kumpulan belia ini merupakan satu kelompok yang penting dalam kelangsungan politik sesebuah negara. Hal ini kerana, belia merupakan pelapis yang akan meneruskan pembangunan dan menerajui negara. Perkembangan politik Malaysia pada masa kini yang semakin mencabar menuntut golongan belia ini untuk melibatkan diri dalam bidang politik. Golongan belia ini merupakan golongan yang paling ramai menjadi pengundi atas pagar dan menjadi penentu kepada kemenangan sesebuah parti politik di Malaysia (Nur Ellyyanis



& Junaidi, 2020). Golongan belia inilah yang akan meneruskan tampuk pimpinan dan memimpin negara pada masa akan datang bagi meneruskan agenda pembangunan negara (Sudan, 2020). Namun sejak kebelakangan ini, wujud tuduhan yang mengatakan golongan belia atau golongan muda ini kurang melibatkan diri dalam bidang politik seperti kurang menyertai parti politik (Nasaruddin, 2018). Tambahan lagi pada tahun 2019, cadangan had umur pengundi daripada 21 tahun dan ke atas diturunkan kepada umur 18 tahun dan ke atas telah diluluskan di peringkat Parlimen menjadikan golongan belia yang layak mengundi semakin bertambah (Sivanesan T. S, 2021).

Peranan belia sangat signifikan dalam memahami politik di Malaysia kerana golongan ini dianggap sering mengkritik dan memprotes dasar-dasar pemerintah. Oleh yang demikian, golongan belia ini perlu diberikan perhatian lebih-lebih lagi apabila mereka ini mewakili hampir separuh daripada keseluruhan pengundi berdaftar di Malaysia. Pada masa yang sama, kategori belia majoritinya masih berada di institusi pengajian tinggi, mencari pekerjaan atau masih berada pada awal proses membina kerjaya. Hal ini melihat golongan belia sebagai kumpulan yang paling banyak terdedah kepada pelbagai isu yang dikaitkan dengan dasar pemerintah dan kelangsungan belia. Antara isu-isu penting yang sering memberi kesan kepada belia adalah seperti isu kenaikan harga barang, isu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), ketiadaan peluang pekerjaan dan isu pengangguran. Situasi ini menjadi semakin mencabar apabila belia menjadi pengguna utama media massa, sekaligus mendedahkan golongan ini kepada pelbagai bentuk maklumat khususnya berkenaan dengan perkembangan politik semasa.



## 1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Malaysia mengamalkan sistem pilihan raya majoriti mudah atau “*First Past the Post System*” berasaskan “*Single Member Constituencies Plurality System*” di mana pemenang dipilih berdasarkan jumlah undi tertinggi yang dimiliki bagi setiap calon-calon yang bertanding. (Mohd Azmir & Afi Roshezry, 2019). Sistem ini telah digunakan sejak pilihan raya umum yang pertama pada tahun 1955 sehingga kepada pilihan raya yang ke-15 pada tahun 2022 yang lalu. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi perwakilan, pilihan raya di Malaysia ditetapkan maksimum lima tahun sekali bagi memilih wakil rakyat sama ada di peringkat Parlimen atau persekutuan (Dewan Rakyat) ataupun di peringkat Negeri, iaitu Dewan Undangan Negeri (DUN). Bagi yang menang dan terpilih, mereka akan memikul tanggungjawab yang besar setelah diberikan mandat oleh rakyat secara sah. Mandat ini seharusnya dijadikan sebagai amanah yang besar yang harus dipikul bagi setiap wakil rakyat yang dipilih (Roskin, M. G., et al., 2014).

Di negara Amerika Syarikat, parti Republikan akan bertukar ganti dengan parti Demokrat manakala di United Kingdom pula, parti Konservatif akan bertanding melawan parti Buruh (Mohd Ali, 2022). Keadaan ini menunjukkan adanya perbezaan yang berlaku di Malaysia. Hal ini kerana, di Malaysia sistem dua parti tidak diamalkan. Malaysia mengamalkan politik pelbagai parti seperti UMNO, PAS, PKR, Bersatu, DAP dan sebagainya. Malaysia melaksanakan sistem berasaskan pilihan raya iaitu demokrasi seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan sejak merdeka sehingga ke hari ini. Bagi

mendapatkan sokongan, parti-parti politik sudah tentu akan berusaha melalui pelbagai cara seperti mengambil hati anak muda iaitu golongan belia bagi menyertai dan menyokong parti politik mereka. Namun begitu, terdapat kesukaran yang berlaku kerana belia pada hari ini lebih terdedah dengan situasi semasa yang berlaku di Malaysia.

Peningkatan arus pemodenan telah memberikan impak besar terhadap literasi atau celik politik dalam masyarakat. Hal ini terutamanya kepada masyarakat belia di Malaysia. Perkembangan ini telah menjadikan golongan belia ini lebih terdedah dengan situasi politik yang berlaku di dalam negara. Perkembangan dan peningkatan pengetahuan oleh golongan belia ini telah meningkatkan kesedaran belia tentang kepentingan untuk mengambil tahu dan menyertai bidang politik. Hal ini sudah tentu akan meningkatkan pengaruh politik dalam kalangan belia untuk memilih, menyokong dan menyertai sesebuah parti politik. Walau bagaimanapun, berita-berita yang disebarluaskan melalui media sosial menyukarkan golongan belia ini memilih parti politik yang dapat merealisasikan permintaan dan kehendak mereka.

Menurut Marshelayanti et al., (2016), tahap penglibatan politik belia adalah sederhana iaitu tidak melebihi 50% iaitu hanya sebanyak 43% sahaja daripada keseluruhan. Pelbagai usaha kerajaan bagi melibatkan belia dalam politik. Namun begitu, peranan dan tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan sepenuhnya pada kerajaan semata-mata. Antara usaha kerajaan dalam memastikan belia melibatkan diri dalam aktiviti politik adalah dengan mewujudkan Majlis Belia Malaysia (MBM). MBM ini bertanggungjawab

menyelaras pertubuhan belia dan pelajar di negara ini. Selain itu, program 1 Malaysia For Youth (1M4U) yang pernah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak juga telah menggalakkan pembabitan generasi muda iaitu golongan belia dalam aktiviti kesukarelawanan dan politik (Belia Suara Masa Depan Negara, 2013).

Indeks Belia Malaysia atau IBM merupakan instrumen yang dibangunkan bertujuan untuk memantau perkembangan kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Malaysia. IBM ini merupakan instrumen yang digunakan bagi memantau pencapaian tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia bagi tahun 2016-2020 dan mewujudkan data empirikal belia setempat. Melalui IBM yang dikeluarkan oleh IYRES (2021), bagi domain sosialisasi politik, dapat dilihat trend skor domain Indeks Belia Malaysia mengalami perubahan yang amat ketara daripada peningkatan kepada penurunan yang agak besar. Hal ini dapat dilihat di mana domain sosialisasi politik pada 2015 mengalami peningkatan daripada 45.82 kepada 49.35 pada 2016 dan terus meningkat kepada 50.07 pada 2017. Namun begitu, berlaku perubahan ketara pada 2019 apabila trend skor domain ini mengalami penurunan kepada 29.03 dan terus menurun kepada 27.75 pada tahun 2020 (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2021). Melalui penurunan ini, sudah tentu ia memberi cabaran utama kepada pembangunan belia masa kini untuk merancang dan melaksanakan program yang dapat memberi impak maksimum kepada kumpulan belia ini. Oleh itu, kerajaan telah mengambil langkah drastik dengan meminda Perlembagaan berhubung perkara Undi 18 dan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).



Penurunan had umur kelayakan mengundi dan menjadi wakil rakyat daripada 21 tahun kepada 18 tahun merupakan misi besar Malaysia dalam proses pendemokrasian. Oleh itu, pada 16 Julai 2019, telah berlaku proses pendemokrasian rakyat Malaysia di mana adanya Pindaan Perlembagaan melalui Parlimen bagi Rang Undang-Undang (RUU) Undi 18 iaitu dalam Perkara 119. Melalui pindaan ini, Parlimen telah meluluskan cadangan di mana warganegara berumur 18 tahun dan ke atas dibolehkan mengundi dan menjadi calon dalam pilihan raya. Cadangan ini kemudiannya diluluskan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019. Maka, keputusan umur mengundi yang diturunkan kepada 18 tahun telah menyebabkan peningkatan pengundi baharu iaitu peningkatan sebanyak 1.2 juta orang setahun. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa penurunan had umur daripada 21 tahun kepada 18 tahun ini antara langkah secara konstruktif dan berinstitusi dalam melancarkan proses pendemokrasian dan pengundian di Malaysia (Mohd Azmir & Sabri, 2019).



Kewujudan gerakan mahasiswa pada tahun 1970-an telah membimbangkan pihak kerajaan. Hal ini kerana, mahasiswa banyak mengkritik kesalahan kerajaan demi memperjuangkan keadilan dan kebenaran. Kerajaan berpendapat gerakan mahasiswa perlu dihapuskan untuk memastikan kedudukan mereka tidak terjejas. Oleh sebab itu, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 telah dikemukakan oleh Tun Hussien Onn, Menteri Pendidikan ketika itu di Parlimen pada 17 Mac 1971. AUKU kemudiannya telah dikuatkuasakan pada 30 April 1971. Selepas pelaksanaan AUKU, telah berlaku pindaan terhadap AUKU di mana pada tahun 1975, pindaan yang dilakukan telah mencabuli hak-hak asasi mahasiswa. Hal ini adalah untuk menghapuskan suara mahasiswa yang pada





ketika itu yang semakin berpengaruh yang banyak memperjuangkan isu-isu masyarakat dan adanya sokongan dari masyarakat terhadap mahasiswa (Kementerian Pendidikan Malaysia).

Namun begitu, berlaku perubahan pada 2018 di mana adanya pindaan terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang membenarkan mahasiswa aktif berpolitik yang telah diluluskan oleh Parlimen. Hal ini dapat dilihat adanya pemansuhan Seksyen 15 (2) (c) AUKU yang sebelum ini menghalang mahasiswa terbabit dalam kegiatan politik. Pemansuhan ini sekaligus memberi kebebasan kepada mahasiswa untuk berpolitik. Walaupun pindaan hanya membabitkan satu seksyen, tetapi ia secara langsung menghapuskan budaya takut yang membelenggu mahasiswa. Selain itu juga, turut diluluskan ialah pindaan terhadap Seksyen 47 (2) (C) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dan Seksyen 10 (2) (C) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174) yang terpakai kepada Universiti Teknologi MARA (UITM), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Perguruan. Pindaan terhadap dua akta ini adalah untuk membenarkan mahasiswa menyertai kegiatan politik di dalam kampus. Melalui pindaan AUKU ini, dapat dilihat bahawa kerajaan memberi kebebasan dan galakan kepada golongan muda untuk terlibat dalam politik di Malaysia. Oleh itu, pada Pilihan Raya Umum Ke-15 ini, belia akan menjadi penentu kepada keputusan pilihan raya umum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).





Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-15, bangkit isu-isu berkaitan parti politik di Malaysia. Terdapat beberapa isu penting yang dikaitkan dengan belia sama ada di peringkat nasional ataupun di peringkat negeri. Antara isu-isu penting adalah berkait dengan isu rasuah, pengangguran, kenaikan harga barang yang mendadak dan beberapa isu yang mempengaruhi persepsi belia di negara ini. Oleh itu, dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15), ketiga-tiga parti politik utama, iaitu gabungan Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN) dan Pakatan Harapan (PH) memberikan beberapa janji penting kepada golongan belia. Hal ini adalah untuk memastikan bahawa kumpulan atau golongan belia ini melihat bahawa kerajaan memberikan perhatian yang lebih kepada mereka apabila kerajaan yang baharu dibentuk kelak.



Barisan Nasional (BN) misalnya mengeluarkan satu manifesto khusus untuk golongan belia yang mana dalam manifestonya menyatakan bahawa ingin menujuhkan Jawatankuasa Belia bagi semakan polisi di Parlimen. Selain itu, ada peruntukan Dana Keusahawanan Belia yang bernilai RM300 juta serta kuota belia sebagai senator dalam Dewan Negara. Sementara itu, Pakatan Harapan (PH) pula ada menjanjikan tiket kapal terbang pada kadar harga tetap (RM199) iaitu dari Semenanjung ke Sabah atau Sarawak dan sebaliknya dengan had dua tiket setahun bagi setiap mahasiswa. Selain itu, kad belia dinaik taraf dari kad siswa untuk mereka yang berumur antara 13 hingga 25 tahun serta adanya subsidi RM500 untuk latihan industri. Bagi Perikatan Nasional pula, antara manifestonya adalah menetapkan kuota sekurang-kurangnya dua senator belia dalam Dewan Negara, menaikkan eluan latihan praktikal di sektor awam kepada RM1,200 sebulan, pengurangan bayaran balik pinjaman PTPTN sebanyak 25 peratus kepada graduan





dengan keputusan kelas kedua atas, insentif RM1,000 kepada pekerja sektor ekonomi gig yang melanjutkan pengajian di IPT yang diiktiraf serta pembiayaan perumahan tanpa faedah bagi keluarga muda. Jelas dapat dilihat bahawa ketiga-tiga parti ini berusaha untuk memberikan jaminan kepada masyarakat khususnya golongan belia ini bahawa masa depan kumpulan belia ini akan lebih terjamin di bawah pemerintahan baharu ini (Malaysiakini, 2022).

Oleh itu, kajian ini mempunyai beberapa permasalahan kajian yang hendak diselidiki berkaitan kecenderungan pemilihan parti politik dalam kalangan belia di Wilayah Persekutuan Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15. Pertama sekali, kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui sejauh manakah kecenderungan pemilihan parti politik dalam kalangan belia di Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi golongan belia dalam pemilihan parti politik di Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15 dan apakah mekanisme penambahaikan yang boleh dilakukan oleh parti politik untuk menarik golongan belia di Putrajaya menyertai parti politik. Bagi menjawab permasalahan-permasalahan ini, maka kajian ini akan memfokuskan kepada kajian terhadap belia yang tinggal di Putrajaya.





## 1.2 PERSOALAN KAJIAN

Dari pada permasalahan kajian yang telah dibincangkan di atas, terdapat tiga persoalan penting yang wujud dalam kajian ini:

- 1.2.1** Sejauh manakah kecenderungan pemilihan parti politik dalam kalangan belia pada Pilihan Raya Umum Ke-15 di Putrajaya?
- 1.2.2** Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi golongan belia dalam pemilihan parti politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15 di Putrajaya?
- 1.2.3** Apakah mekanisme penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh parti politik untuk menarik golongan belia di Putrajaya memilih parti politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15?



### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan persoalan-persoalan di atas, objektif kajian ini adalah untuk menyelesaikan perkara-perkara berikut:

- 1.3.1** Mengenal pasti kecenderungan pemilihan parti politik dalam kalangan belia pada Pilihan Raya Umum Ke-15 di Putrajaya.
- 1.3.2** Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi golongan belia dalam pemilihan parti politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15 di Putrajaya.
- 1.3.3** Mengkaji mekanisme penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh parti politik untuk menarik golongan belia di Putrajaya memilih parti politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15.

### 1.4 BATASAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada kecenderungan pemilihan parti politik dalam kalangan belia di Putrajaya. Kajian ini hanya tertumpu kepada belia yang berumur 18 hingga 30 tahun yang tinggal di Putrajaya tanpa melibatkan keseluruhan penduduk di Putrajaya. Hal ini kerana, umur belia di Malaysia yang boleh mengundi adalah dari 18 hingga 30 tahun. Kajian ini memberi tumpuan kepada kawasan yang terlibat secara langsung dalam kajian yang dilaksanakan iaitu di Putrajaya kerana ramai golongan belia yang menetap di sini.

Buktinya, jumlah penduduk belia di Putrajaya iaitu yang berumur 15-30 tahun adalah seramai 26,100 orang (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2021). Struktur geografi kawasan ini juga terletak di kawasan bandar dan berdekatan dengan bangunan pejabat kerajaan. Oleh sebab itu, kajian ini dilaksanakan di Putrajaya.

Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada golongan belia sahaja. Golongan belia yang dipilih adalah mereka yang berumur antara lingkungan 18 sehingga 30 tahun. Hal ini adalah kerana, had umur belia yang boleh mengundi mengikut had umur belia Malaysia adalah antara 18 sehingga 30 tahun. Selain itu juga, kajian ini dihadkan kepada lingkungan umur 18 hingga 30 tahun bagi memudahkan maklumat dicapai dengan lebih mudah kerana had umur belia telah dihadkan kepada belia yang berumur 15 hingga 30 tahun sahaja dan bukan belia yang berumur 15 hingga 40 tahun. Perkara ini sudah tentu dapat memudahkan kajian dilaksanakan kerana pengkaji boleh memfokuskan kajiannya mengikut umur belia yang dikehendaki sahaja. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan dan ditetapkan di sekitar kawasan Putrajaya sahaja dan ia tidak melibatkan negeri-negeri lain dan Wilayah Persekutuan yang lain di Malaysia.

Kajian ini memfokuskan kepada tiga objektif utama iaitu pertama, kecenderungan pemilihan parti politik dalam kalangan belia di Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15. Objektif pertama ini akan dapat melihat dan menjelaskan mengapa belia cenderung untuk memilih sesebuah parti politik tersebut. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi golongan belia dalam pemilihan parti politik di



Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15. Faktor-faktor ini dapat melihat bagaimana belia dipengaruhi melalui faktor-faktor yang dinyatakan dalam kajian bagi memilih parti politik. Di samping itu, kajian ini juga adalah untuk mengkaji mekanisme penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh parti politik untuk menarik golongan belia di Putrajaya menyertai parti politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15. Oleh itu, kajian ini sudah pastinya dapat menambah dinamik pengetahuan dan memperkayakan lagi data yang berkaitan dengan pemilihan parti politik khususnya dalam kalangan belia.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN



Merujuk kepada skop kajian yang telah dikhatusukan, kajian ini adalah penting untuk dilaksanakan bagi mengupas isu-isu yang berkaitan politik dalam masyarakat. Hal ini adalah seperti kecenderungan golongan belia dalam memilih parti politik di Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15. Selain itu, faktor-faktor yang mempengaruhi golongan belia dalam pemilihan parti politik di Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15. Seterusnya, mekanisme penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh parti politik untuk menarik golongan belia di Putrajaya menyertai parti politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15. Melalui kajian ini, penyelidik dapat menambah pengetahuan dan memperbanyak lagi kajian yang berkaitan dengan kecenderungan pemilihan parti politik dalam kalangan belia dalam pilihan raya umum.





Kajian yang dilaksanakan ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang ingin melaksanakan kajian atau mengetahui tentang kecenderungan golongan belia memilih parti politik seperti kajian ini iaitu di Putrajaya dan di kawasan-kawasan atau tempat lain. Selain itu, kajian ini juga penting untuk simpanan dokumen dan informasi yang boleh menjadi rujukan masyarakat dan juga para penyelidik yang berminat untuk mengkaji dan meneroka tentang golongan belia serta parti-parti politik yang ada di Malaysia. Tambahan pula, kajian ini juga berpotensi untuk diperkembangkan dan boleh memantapkan lagi bidang politik yang dilihat penting kepada masyarakat. Hal ini kerana, bidang politik amat penting khususnya kepada golongan belia yang menjadi aset penting untuk pembangunan negara kerana mereka adalah peneraju masa hadapan negara.



Kajian ini juga memberi kepentingan kepada parti politik yang ada di Malaysia. Hal ini kerana, melalui kajian ini parti-parti politik di Malaysia dapat mengetahui sejauh mana kecenderungan golongan belia dalam memilih parti politik. Maka, parti politik dapat memperluas sokongan mereka melalui data yang diperoleh. Hal ini adalah melalui faktor dan mekanisme yang dikaji dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada belia kerana ia dapat memberi pengetahuan kepada belia khususnya berkaitan parti politik di Malaysia. Akhir sekali, melalui kajian ini ia dapat memperluaskan skop kajian bagi pengkaji-pengkaji lain pada masa akan datang. Hal ini kerana, terdapat kajian sebelum ini yang sudah dilaksanakan berkenaan dengan kecenderungan belia. Namun begitu, belum ada kajian berkaitan topik ini yang dilaksanakan di Putrajaya. Oleh itu, melalui kajian ini, banyak manfaat yang boleh





diperolehi oleh pengkaji, parti-parti politik di Malaysia, golongan belia serta pengkaji-pengkaji lain yang ingin menjalankan kajian berkaitan politik belia.

## 1.6 DEFINISI OPERASIONAL

### 1.6.1 Belia

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), belia didefinisikan sebagai orang yang sudah akil baligh tetapi belum tua lagi iaitu orang muda. Rang Undang-Undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia, 2007 (Akta 688), mengehadkan umur belia dari 40 ke 30 tahun. Akta ini telah diluluskan di Dewan Rakyat. Umur belia adalah antara 15 hingga 30 tahun. Takrifan ini selari dengan piawaian takrifan belia yang digunakan di peringkat antarabangsa. Menurut Azizan Bahari (1995), definisi lingkungan umur antara 15 hingga 40 tahun sebagai belia itu adalah luas dan yang paling sesuai adalah antara 13 hingga 30 tahun. Selain itu, belia juga ditakrif berdasarkan peringkat umur dari 15 hingga 40 tahun (Aidit & Husnizaim, 2005). Bagi kajian ini, ia memfokuskan kepada golongan belia lingkungan umur antara 18 hingga 30 tahun. Hal ini kerana, golongan belia ini berada dalam lingkungan umur belia di Malaysia yang boleh mengundi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.



### 1.6.2 Demografi

Menurut *Multilingual Demographic Dictionary* (2012), demografi bermaksud mempelajari atau mengenal pasti budaya dan persekitaran sesuatu kawasan terutama tentang komposisi penduduk, struktur dan perkembangan sesuatu kawasan tersebut. Demografi dalam kajian ini adalah untuk menganalisis latar belakang responden seperti jantina, umur, tahap pendidikan, pekerjaan, tahap pendapatan dan sebagainya terhadap kecenderungan dan faktor-faktor yang mempengaruhi responden untuk memilih sesebuah parti politik bagi golongan Sasaran iaitu belia di Putrajaya.

### 1.6.3 Politik

Politik didefinisikan sebagai segala yang berhubung dengan pemerintahan sesebuah negara serta perhubungannya dengan negara lain. Politik juga merupakan kegiatan yang bertujuan untuk menaikkan status seseorang atau untuk menambah kuasa seseorang dalam sesuatu organisasi berbanding dengan yang berdasarkan prinsip yang benar (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2008). Kamus Dwibahasa Oxford Fajar (2014) pula mentakrifkan politik sebagai ilmu dan seni kerajaan iaitu ilmu yang berkait dengan bentuk, organisasi dan pentadbiran negara atau sebahagian darinya dengan peraturan perhubungannya dengan negara-negara lain. Menurut Martin Guha (2008), politik bermaksud sebagai suatu kegiatan mengagihkan



bahan-bahan yang terhad. Dalam kajian ini, ia memfokuskan politik Malaysia di mana kajian dilaksanakan di Putrajaya berkaitan kecenderungan politik belia.

#### 1.6.4 Parti Politik

Parti Politik adalah satu kumpulan atau golongan yang bergerak bagi tujuan yang sama dalam politik (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Edmund Burke di dalam Rodee et al., (1983) melihat parti politik sebagai sekumpulan manusia yang bersetuju di atas sesuatu prinsip yang membolehkan mereka berkhidmat kepada negara. Menurut Syed Ahmad (1995), parti politik ialah satu kumpulan dengan penyokong-penyokongnya berpegang kepada prinsip-prinsip yang sama. Menurut Peter B. Harris (1976) pula, parti ialah satu badan orang-orang yang bersatu untuk membina kepentingan negara melalui prinsip-prinsip tertentu yang dipersetujui bersama. Parti sebagai satu kumpulan yang tersusun yang berusaha untuk menguasai kedudukan dan dasar sesuatu kerajaan. Dalam kajian ini, ia memfokuskan kepada tiga gabungan parti politik yang terbesar di Malaysia. Hal ini adalah gabungan Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN) dan Pakatan Harapan (PH).



## 1.7 ORGANISASI BAB

Penyusunan penulisan tesis amat penting terutamanya berkaitan dengan kualitinya di samping dapat memudahkan pembaca untuk memahami penulisan tesis ini. Secara keseluruhannya, tesis ini mempunyai lima bab.

Bab satu ialah bab pendahuluan. Dalam bahagian ini, ia memberikan penerangan tentang belia, politik dan parti politik di Malaysia. Dalam bab ini, ia membincangkan perkara-perkara asas kepada kajian ini iaitu daripada pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan sehingga kepada organisasi bab dalam penulisan tesis ini. Bab satu menjelaskan tentang tiga konsep utama kajian ini iaitu belia, politik dan juga parti politik. Bab ini juga membentangkan tiga objektif kajian. Objektif kajian yang pertama ialah untuk mengenal pasti kecenderungan belia dalam memilih parti politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15 di Putrajaya. Objektif kedua adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi belia dalam memilih parti politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15 di Putrajaya. Objektif yang ketiga pula adalah untuk mengkaji mekanisme penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh parti politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15 untuk menarik golongan belia di Putrajaya memilih parti politik.



Bab dua mengandungi sorotan karya yang mempunyai kaitan dengan persoalan kajian. Bab kedua ialah sorotan literatur yang membincangkan kajian-kajian lepas yang mempunyai perkaitan dengan tajuk kajian sama ada berkaitan dengan belia ataupun parti politik di Malaysia. Isu-isu berkaitan dikupas berdasarkan hasil daripada pembacaan maklumat yang terdapat dalam bahan bacaan yang telah diterbitkan. Bahan bacaan ini adalah seperti buku-buku, jurnal, majalah, tesis dan sebagainya. Bahagian pertama bab ini meninjau karya-karya yang memperkatakan tentang kajian-kajian berkaitan penglibatan belia dalam pilihan raya dan penglibatan belia dalam politik. Bahagian kedua bab ini meninjau karya-karya berkenaan teori berkaitan dengan kajian yang dilakukan iaitu teori pilihan rasional, teori identifikasi parti dan teori sosialisasi politik. Dalam bab ini juga ada membincangkan kerangka kajian yang dibina dan digunakan dalam kajian ini.



Bab ketiga membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan. Pada bahagian ini, maklumat yang berkaitan dengan kaedah penyelidikan akan diberikan. Berdasarkan objektif-objektif kajian, kaedah kuantitatif adalah kaedah yang dilaksanakan dalam kajian ini. Kaedah ini digunakan di dalam penyelidikan bagi mendapatkan dapatan dan data yang tepat. Dalam bahagian ini juga, teknik-teknik seperti soal selidik dibincangkan dan dinyatakan sebab-sebab teknik ini digunakan dalam melaksanakan kajian. Jumlah populasi dan sampel ada dinyatakan di dalam bahagian ini. Seterusnya, cara mengutip dan menganalisis data turut diterangkan dalam bahagian ini. Hal ini bagi memudahkan para pembaca memahami sebab-sebab kaedah yang dipilih digunakan dalam pelaksanaan kajian ini.





Bab keempat membincangkan dapatan yang diperoleh setelah melaksanakan kajian. Bab ini akan menghuraikan objektif-objektif kajian yang telah digariskan. Objektif pertama ialah mengenal pasti kecenderungan pemilihan parti politik dalam kalangan belia di Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15. Perkara yang dihuraikan adalah berkaitan dengan kecenderungan golongan belia dalam memilih parti politik. Hasil dapatan objektif kedua juga dianalisis dalam bahagian ini iaitu mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi golongan belia dalam pemilihan parti politik. Dalam objektif kedua ini, pengkaji menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi golongan belia dalam pemilihan parti politik di Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15. Objektif ketiga juga dibincangkan dengan menganalisis mekanisme penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh parti politik untuk menarik golongan belia di Putrajaya menyertai parti politik.



Bab kelima ialah bab terakhir iaitu kesimpulan dan cadangan penambahbaikan. Bab ini akan memberi penjelasan secara sistematik mengenai dapatan kajian. Bab ini akan merumuskan keseluruhan hasil kajian dengan menghujahkan beberapa penemuan utama yang mempengaruhi kecenderungan golongan belia dalam pemilihan parti politik di Putrajaya. Selain itu, dalam bab ini juga ada dinyatakan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi memastikan golongan belia terlibat dalam politik di Putrajaya. Cadangan yang disenaraikan adalah berdasarkan masalah yang wujud bagi memastikan golongan belia menyertai parti politik bagi membangunkan negara.

